

#### 4.1 PENGENALAN KARYA-KARYA AL-MANDĪLĪ YANG DIPILIH.

Dalam bab ini, kajian tertumpu kepada memberi penjelasan terhadap pendekatan yang telah digunakan oleh pengkaji dalam usaha mentakhrij hadith-haidth Rasulullah s.a.w daripada karya-karya al-MandĪlĪ yang dipilih tersebut. Karya-karya tersebut adalah mewakili beberapa bidang yang dikuasai oleh al-MandĪlĪ. Namun, pengkaji mendahului perbahasan dalam bab ini dengan perbahasan khusus terhadap karya-karya tersebut untuk menjelaskan secara umum latar belakang karya-karya yang dipilih itu. Penjelasan tersebut merangkumi beberapa maklumat yang berkaitan latar belakang karya, kandungan perbahasan dan jumlah hadith-hadith yang dicatatkan daripada setiap karya tersebut.

Empat buah karya al-MandĪlĪ yang telah dipilih oleh pengkaji adalah; “*Penawar Bagi Hati*” dalam bidang tasawuf,<sup>1</sup> “*Manakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir*” dalam bidang pendidikan,<sup>2</sup> *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati* dalam bidang fikah,<sup>3</sup> *I’tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya ‘Isa ‘Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman* dalam bidang akidah.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Al-MandĪlĪ (1383H/1964M) *Penawar Bagi Hati*, Yala, Thailand: Sahabat Press.

<sup>2</sup> Al-MadĪlĪ (1380H), *Menakutkan dan Meliarkan Daripada Kemasukkan Orang Islam Akan Anak Mereka itu ke Dalam Sekolah Orang Kafir*, Misr: Maṭba‘ah al-Anwār.

<sup>3</sup> Al-MandĪlĪ (1371H/1962M), *Pembantu Bagi Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati*, Pulau Pinang: The United Press.

<sup>4</sup> Al-MadĪlĪ (1378H), *I’tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya ‘Isa ‘Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman*, Misr: Maṭba‘ah al-Anwār.

#### 4.1.1 *Kitab I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman*

##### **i. Maklumat Kitab**

Secara umumnya kitab *I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman* ini merupakan sebuah karya al-Mandīlī dalam bidang akidah. Penulis tidak mempunyai maklumat secara terperinci tentang kitab kecuali penulis mendapatkan maklumat khusus tentang kitab dengan merujuk kepada kitab itu sendiri. Berdasarkan kitab yang dimiliki oleh penulis, tidak ada dinyatakan tahun terbitannya kecuali pada mukadimah awal kitab yang ditulis oleh al-Mandīlī, dicatatkan bahawa mukadimah itu telah ditulis pada 16 Jamadil Awal 1378H di Madinah al-Munawwarah. Tarikh tersebut tidak boleh menyatakan tahun terbitan kitab ini memandangkan kitab ini telah dicetak dan diterbitkan oleh Maṭba'ah al-Anwār di Mesir. Jarak antara Madinah dan Mesir yang jauh dan kesukaran dari sudut pengangkutan, mana mungkin ia diterbitkan pada tahun di mana mukadimah kitab tersebut ditulis sedangkan penulisnya juga berada di Madinah.

Al-Mandīlī menyebutkan bahawa kitab beliau ini adalah sebuah karya terjemahan daripada karya Tuan Sheikh Muḥammad al-'Arabī bin al-Tabānī bin al-Husyan al-Wāḥidī al-Maghribī, seorang tenaga pengajar di Madrasah al-Fallāḥ dan Masjid al-Haram yang berjudul (إعتقاد أهل الإيمان بالقرآن بنزول المسيح ابن مريم عليه السلام في آخر الزمان). Manakala berdasarkan catatan pada halaman akhir kitab, disebutkan bahawa kitab ini diselesaikan

penterjemahannya pada hari Khamis 2 Jamadil Awal 1378H/1958M di Masjid al-Haram, Makkah.

Dalam beberapa halaman terkahir kitab ini<sup>5</sup>, dimasukkan dua pujian atau penghargaan daripada tiga orang ulama yang juga merupakan guru-guru al-Mandīlī sendiri. Kat-kata pujian pertama daripada Hasan Muhammad al-Mashat, guru di Masjid al-Haram dan seorang Anggota Kantor Pengadilan Yang Lebih Besar dan Muhammad Yahya Aman juga seorang guru di Masjid al-Haram dan Anggota Ketua Sekalian Qadi.<sup>6</sup> Manakala kata-kata pujian kedua daripada Muhammad Amin Katabi, seorang tenaga pengajar di Masjid al-Haram.<sup>7</sup>

Pada akhir kitab al-Mandīlī menyebutkan bahawa beliau telah menyelesaikan kerja-kerja penterjemahan kitab tersebut pada 2 Jamadil Awal 1378H dan ditutup dengan puji-pujian kepada Allah dan selawat serta salam kepada Nabi s.a.w.<sup>8</sup>

## ii. Kandungan Perbahasan Kitab

Kitab *I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman* ini membicarakan khusus tentang kebenaran turunnya Nabi 'Isa a.s pada akhir zaman nanti dan sebagai salah satu daripada tanda kiamat. Hal demikian juga disebabkan terdapat dakwaan bahawa Nabi 'Isa a.s telah wafat seperti mana kepercayaan

---

<sup>5</sup> Berdasarkan karya ini yang diterbitkan oleh Maṭba'ah al-Anwār di Mesir. Lihat Al-Madīlī (1378H), *I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman*, Miṣr: Maṭba'ah al-Anwār, hlm 40-48.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm 40.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm 47.

<sup>8</sup> *Ibid.*

golongan Kristian setelah baginda disalib. Sedangkan al-Quran dengan jelas menafikan peristiwa tersebut dan orang yang disalib itu bukan merupakan Nabi ‘Isa a.s. Dengan itu ayat 55 daripada surah Āli ‘Imrān dijadikan asas utama perbincangan di dalam kitab ini selaku menjelaskan bahawa Nabi ‘Isa a.s masih hidup, baginda telah diangkat ke langit dan akan turun ke dunia pada akhir zaman. Disertakan bersama dalil-dalil lain daripada al-Quran dan al-Hadith sebagai mengukuhkan dan menyatakan kebenaran peristiwa tersebut. Segala persoalan dan kekeliruan yang timbul tentang perkara ini dijawab di dalamnya.

### **iii. Kuantiti Hadith Dicatatkan Di Dalam Kitab**

Secara keseluruhannya, melalui penelitian dan kiraan pengkaji terhadap kitab terdapat 33 buah hadith yang disebutkan. Keseluruhan hadith-hadith ini adalah menjadi hujah dan dalil dalam membicarakan persoalan kedatangan Nabi ‘Isa a.s ke dua ketika hampir kiamat adalah benar. Bahkan, segala kenyataan yang disebutkan juga banyak merujuk kepada hadith-hadith tersebut memandangkan banyak keterangan tentang perkara ini dikhabarkan oleh Nabi s.a.w sendiri termasuk tanda-tanda kiamat yang lainnya.

Hadith-hadith yang dinyatakan adalah dalam bentuk matan (teks) berbahasa Arab dengan disertakan terjemahan berbahasa Melayu. Menjadikan kebiasaan al-Mandili dalam kebanyakan tulisan beliau, akan disertakan takhrij ringkas terhadap hadith-hadith yang disebutkan. Maklumat takhrij yang dinyatakan tersebut merangkumi nama periwayat seperti Imam Muslim dan Ibn Mājah, nama perawi terdekat khususnya dari kalangan sahabat seperti Abū Hurayrah r.a, dan dinyatakan juga taraf hadith bagi sesetengah hadith sahaja.

Secara keseluruhannya jumlah hadith yang dinyatakan adalah dalam jumlah yang besar memandangkan karya ini seperti mana disebutkan sebelum ini adalah setebal 48 halaman sahaja termasuk tulisan penghargaan daripada beberapa orang ulama terhadap pengarang kitab dan karyanya ini.

Melalui penelitian pengkaji terhadap bentuk penulisan hadith dalam karya ini, pengkaji mendapati bahawa keseluruhan hadith ditulis dengan disertakan matan (teks) Arab bersama dengan terjemahannya. Jadi, tidak ada hadith yang hanya disebutkan terjemahannya semata-mata tanpa teks ‘Arabnya. Lihat jadual di bawah:

Jadual 1.0: Bentuk Matan (Teks) Hadith dalam Karya *I’tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya ‘Isa ‘Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman*

<b>Bil.</b>	<b>Bentuk Penulisan Hadith</b>	<b>Kuantiti</b>
1.	Hadith beserta matan dan terjemahan	33
2.	Hadith terjemahan	-
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>

#### 4.1.2 *Kitab Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir.*

##### **i. Maklumat Kitab**

Karya ini adalah sebuah karya al-Mandīlī dalam bidang pendidikan. Ia ditulis dalam tulisan jawi dengan menggunakan bahasa Melayu. Merujuk kepada tajuk, dengan jelas membahaskan berkaitan larangan daripada menghantar atau memasukkan anak-anak orang Islam ke pusat pendidikan atau sekolah yang berada di bawah kelolaan orang kafir. Karya ini adalah sebuah terjemahan daripada karya berjudul “{الزواج المنفرة عن إدخال المسلمين أولادهم في {مدارس الكفرة}” hasil tulisan al-Syaikh Hasan Muḥammad al-Mashāṭ salah seorang daripada guru beliau dan tenaga pengajar di Masjid al-Haram, Makkah al-Mukarramah.<sup>9</sup>

Al-Mandīlī menyebutkan bahawa pada tahun 1377 Hijriyyah, beliau telah menziarahi (bermusafir) ke Tanah Melayu. Beliau mendapati ramai dari kalangan masyarakat Islam ketika itu menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti pendidikan di sekolah orang kafir berbanding ke sekolah agama atau pondok dengan alasan mengharapkan pangkat yang besar dan gaji yang banyak. Oleh sebab itu, beliau berusaha untuk menterjemahkan karya guru beliau itu agar menjadi panduan masyarakat seluruhnya serta khusus kepada mereka yang tidak mengetahui bahasa ‘Arab. Lalu beliau meletakkan

---

<sup>9</sup> Al-Madīlī (1380H), *Menakutkan dan Meliarkan Daripada Kemasukkan Orang Islam Akan Anak Mereka itu ke Dalam Sekolah Orang Kafir*, Misr: Maṭba‘ah al-Anwār, hlm 2 dan dalam karya berjudul *I‘tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya ‘Isa ‘Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman*, al-Mandīlī dicatatkan guru beliau tersebut sebagai guru di Masjid al-Haram dan merupakan Anggota Kantor Pengadilan Yang Lebih Besar, lihat al-Madīlī (1378H), *ibid.*, hlm 46.

judul karya ini sebagai “*Menakutkan dan Meliarkan Daripada Kemasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka itu ke Dalam Sekolah Orang Kafir*”.<sup>10</sup>

Karya ini selesai diterjemahkan pada hari Rabu 7 Jamadil Awal 1378H/ 19 November 1958M.<sup>11</sup> Penulis hanya memiliki salinan fotokopi kitab ini, dari kitab asal cetakan oleh Maṭba‘ah al-Anwār di Mesir pada Rabi‘ul Awal tahun 1380M.<sup>12</sup> Karya ini setebal 41 halaman.

## **ii. Kandungan Perbahasan Kitab**

Oleh yang demikian, kandungan kitab ini adalah merupakan sebuah perbahasan khusus dan berbentuk semasa yang menyentuh tentang pendidikan di dalam masyarakat. Secara jelas dapat dikatakan bahawa para ulama ketika itu sangat bimbang dengan kecenderungan masyarakat Islam ketika itu yang berada di bawah penjajahan barat, cenderung untuk mengikuti pendidikan anjuran barat. Sekolah yang dibuka pada ketika itu adalah di bawah kelolaan paderi (ketua-ketua agama Kristian). Oleh sebab itu, dikhuartiri akan membentuk generasi yang berpendidikan barat yang hilang akidah dan nilai akhlak Islam memandangkan wujudnya seruan kepada agama Kristian itu sendiri. Tambahan lagi, dikhuartiri juga pada masa akan datang boleh mendatangkan kemudharatan dan masalah yang lebih besar hasil daripada didikan barat tersebut, memandangkan anak-anak pada ketika usia muda masih suci jiwa dan kosong hati mereka. Al-Mandīlī menambahkan lagi, bahawa ibu bapa yang akan mewarnai jiwa anak-anak mereka sama ada menjadi seorang

---

<sup>10</sup> Al-Madīlī (1380H), *ibid.*, hlm 3.

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm 41.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hlm 1.

Yahudi, Nasrani atau Majusi seperti mana difahami daripada hadith Rasulullah s.a.w.<sup>13</sup> Dengan itu, ibu dan bapa memainkan peranan yang sangat penting ke arah membentuk dan menentukan hala tuju dan masa depan anak-anak mereka agar terpelihara agama dan harga diri mereka.

Oleh sebab itu, al-Mandīlī sangat mementingkan pendidikan Islam untuk anak-anak masyarakat Melayu Islam memandangkan di Tanah Melayu telah banyak diasaskan sekolah agama dan pondok pada ketika itu. Tambahan lagi, golongan kafir tersebut adalah musuh Islam sendiri yang senantiasa cuba untuk merosakkan kesucian dan ketulenan Islam khususnya melalui pendidikan asas yang bermula dari zaman kanak-kanak lagi. Ancaman dan kekhuatiran dalam diri al-Mandīlī, setelah melihat keadaan masyarakat pada ketika itu menjadikan beliau dengan segera cuba untuk menyedarkan keadaan tersebut agar tidak menjadi barah yang lebih teruk lagi. Penghasilan karya ini adalah rentetan daripada keadaan tersebut.

Selain daripada menjelaskan kekhuatiran dan ancaman tersebut, kandungan karya ini juga memberikan penekanan terhadap pentingnya pendidikan agama dalam setiap diri anggota masyarakat. Hanya agama Islam sahaja yang mampu untuk memimpin dan memandu masyarakat seluruhnya ke arah jalan yang sebenar. Segala perbincangan yang dikemukakan oleh al-Mandīlī tersebut disertakan dengan dalil pengukuhan daripada nas al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w serta membawa pandangan daripada para ulama.

---

<sup>13</sup> Al-Madīlī (1380H), *ibid.*, hlm 6.



### iii. Kuantiti Hadith Dicatatkan Di Dalam Kitab

Seperti mana disebutkan, selain daripada al-Quran dijadikan nas atau dalil terhadap sesuatu hujah yang dikemukakan, terdapat juga nas daripada hadith dan pandangan ulama. Melalui penelitian penulis, dalam karya ini terdapat hanya 11 buah hadith sahaja disebutkan.

Manakala bentuk penulisan hadith di dalam kitab ini adalah di mana hanya disebutkan matan (teks) berbahasa Arab dengan disertakan bersama terjemahan sahaja. Dalam beberapa keadaan al-Mandīlī menyebutkan juga sumber hadith tersebut seperti hadith riwayat Abī Dāwūd dan sebagainya dengan disertakan nama perawi terdekat dari kalangan sahabat Nabi s.a.w.<sup>14</sup> Namun demikian, beliau tidak menjelaskan taraf atau kualiti hadith tersebut sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan sebagainya.

Melalui penelitian pengkaji terhadap bentuk penulisan hadith dalam karya ini, pengkaji mendapati bahawa keseluruhan 11 hadith dalam karya ini ditulis dengan disertakan matan (teks) Arab bersama dengan terjemahannya. Jadi, tidak ada hadith yang hanya disebutkan terjemahannya semata-mata tanpa teks ‘Arabnya. Lihat jadual di bawah:

---

<sup>14</sup> Sebagai contoh lihat kitab tersebut pada halaman 25 yang mencatatkan sebuah hadis riwayat Abū Dāwūd dalam Sunannya daripada hadis Abī Hurayrah r.a.

Jadual 2.0: Bentuk Matan (Teks) Hadith dalam Karya *Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak-anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir*

Bil.	Bentuk Penulisan Hadith	Kuantiti
1.	Hadith beserta matan dan terjemahan	11
2.	Hadith terjemahan	-
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>

#### 4.1.3 *Kitab Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati*

##### i. Maklumat Kitab

Karya al-Mandīlī yang berjudul “*Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati*” ini adalah sebuah karya yang menjurus dalam bidang fikah. Dalam mukadimah awal kitab, al-Mandīlī secara jelas menyatakan bahawa kitab beliau ini adalah sebuah terjemahan daripada sebuah karya Sheikh Muhammad al-Arabī yang berjudul “*Is ‘āf al-Muslimīn wa al-Muslimāt bi Jawāz al-Qirā’ah wa Wuṣūl Thawābihā ilā al-Amwāt*” (إسعاف المسلمين والمسلمات بجواز القراءة ووصل ثوابها الى

الأموال)<sup>15</sup>. Perbahasannya menyentuh berkaitan keharusan membaca al-Quran dan menghadiahkan pahalanya kepada orang yang telah meninggal dunia berdasarkan pandangan mazhab yang empat. Penulis memiliki kitab ini yang diterbitkan kali pertama

<sup>15</sup> Al-Mandīlī (1371H/1962M), *Pembantu Bagi Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati*, Pulau Pinang: The United Press, cet.1, hlm 6.

pada tahun 1381H/1962M oleh The United Press, Pulau Pinang. Pada awal kitab, disertakan bersama surat keizinan daripada al-Mandīlī untuk memberikan keizinan mencetak kitab ini yang bertarikh 3 Safar 1381H bersamaan 16 Julai 1961M, kata-kata aluan daripada Haji Husaian bin Haji Ismail daripada Guar Cempedak, Kedah dan ucapan terima kasih dari seorang guru agama iaitu Haji wan Abdul Samad bin Wan Nik dari Pokok Sena, Alor Setar, Kedah yang bertarikh 20 Sya‘ban 1381H/ 27 Januari 1962M.<sup>16</sup> Pada halaman akhir kitab al-Mandīlī menyebutkan bahawa beliau berjaya menyelesaikan penterjemahan kitab ini pada 21 Sya‘ban 1370H/1950M di Madinah al-Munawwarah.<sup>17</sup>

Berdasarkan terbitan tahun 1371H/1962M oleh The United Press, Pulau Pinang, karya ini terdiri daripada 48 halaman termasuk helaian penghargaan dan mukadimah dari pengarangnya. Penulis memiliki karya ini yang telah difotokopi sahaja.

## ii. Kandungan Perbahasan Kitab

Kandungan karya al-Mandīlī ini dibincangkan melalui kaedah *mawḍū‘ī* (bertajuk) di mana membicarakan secara khusus tentang persoalan sama ada sampai atau tidak pahala membaca al-Quran terhadap orang yang telah meninggal dunia. Dalam mukkadimah awal, al-Mandīlī menyebutkan bahawa tujuan beliau menterjemahkan karya guru beliau yang berjudul “*Is‘āf al-Muslimīn wa al-Muslimāt bi Jawāz al-Qirā’ah wa Wuṣūl Thawābihā ilā al-Amwāt*” tersebut adalah di atas permintaan ramai pada ketika itu, khususnya golongan yang tidak memahami bahasa Arab. Oleh sebab itu, beliau (al-Mandīlī) tidak mahu mengecewakan permintaan tersebut walaupun beliau sendiri dengan rendah diri

---

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm 2-5.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm 46-47.

menyebutkan bahawa beliau bukan ahli dalam perkara tersebut. Setelah mendapatkan keizinan daripada pengarang asal kita itu, lalu al-Mandīlī memulakan penterjemahan tersebut.<sup>18</sup>

Sesuatu yang menarik tentang kandungan kitab ini adalah perbahasannya di dahului dengan disenaraikan beberapa buah hadith dahulu yang berkaitan dengan tajuk yang dibicarakan (iaitu persoalan sampai pahala membaca al-Quran terhadap orang yang mati) dan keharusan perkara tersebut. Hadith-hadith tersebut dinyatakan sumber periwayatan yang hampir lengkap daripada maklumat-maklumat takhrij yang dikehendaki pada sesebuah hadith. Sebahagian hadith itu dinyatakan tarafnya sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan sebagainya. Seterusnya, al-Mandīlī dalam karya tersebut membahaskan kandungannya dengan mengemukakan pandangan ulama empat mazhab iaitu pandangan daripada ulama mazhab Imam al-Syāfi‘ī, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Abū Hanifah dan Imam Malik. Oleh sebab itu, banyak kitab-kitab *fiqh* dan syarahnya menjadi rujukan dan panduan dalam mengemukakan pandangan terhadap sesuatu perbahasan. Setiap mazhab membincangkan persoalan tersebut satu persatu merujuk kepada hujah dan pandangan masing-masing berdasarkan dalil al-Quran dan al-Hadith. Di akhir perbincangan al-Mandīlī merumuskan keseluruhan perkara yang dibincangkan sebagai satu kesimpulan dan pandangan yang dipegang oleh beliau.

Antara perkara lain yang berkaitan dibincangkan bersama adalah seperti persoalan boleh atau tidak membaca al-Quran di atas kubur, adakah boleh mengupah orang lain untuk membacakan al-Quran kepada si arwah dan hukumnya dan bagaimana pandangan ulama

---

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm 6.

terhadap perkara ini. Secara keseluruhannya kitab ini memberi satu panduan khusus yang berkaitan rapat dengan amalan masyarakat ketika itu khususnya persoalan tersebut. Tambahan lagi, sehingga kini amalan demikian masih bertapak di dalam masyarakat.

### iii. Kuantiti Hadith Dicatatkan Di Dalam Kitab

Berkaitan dengan jumlah atau kuantiti hadith yang dicatatkan di dalam karya ini, berdasarkan penelitian penulis, terdapat 36 buah hadith yang disebutkan. Hadith-hadith ini keseluruhannya menjadi dalil atau hujah terhadap segala persoalan yang dibicarakan. Tetapi bukan pula bermakna al-Quran tidak dirujuk. Bahkan, dalil-dalil daripada al-Quran saling kukuh mengukuh antara satu sama lain dalam membahaskan sesuatu permasalahan dan persoalan. Sesuatu yang menarik tentang kitab ini adalah berkaitan hadith-hadith yang disebutkan di mana penulisannya adalah dalam bentuk terjemahan sahaja tanpa disertakan matan (teks) berbahasa Arab kecuali beberapa hadith sahaja dibawa datang matan berbahasa Arab. Hadith-hadith tersebut dipetik daripada sumber asal seperti dari *al-Sunan al-Sittah* dan sebagainya lagi dengan disertakan juga pandangan daripada kitab-kitab syarahnya.

Manakala berkaitan maklumat takhrij hadith, al-Mandīlī dalam keterangannya terhadap hadith mendahului sebutan dengan menyatakan sumber, nama kitab, nama bab, nama perawi hadith dan tarafnya. Bahkan pada sebahagian hadith, disebutkan perselisihan periwayatan hadith-hadith tersebut merujuk kepada ulama-ulama hadith. Contohnya, “...dan telah mengeluarkan akan hadith ini oleh al-Bukhārī di dalam kitab *al-Adab* daripada Abī Hurayrah hal keadaan *mawquf* yakni perkataan sahabat (Abi Hurayrah

*sendiri) dan telah mengeluarkan juga daripada Abī Sa‘īd al-Khudrī r.a..”* Diikuti sebutan “*telah bersabda Nabi s.a.w*”.<sup>19</sup>

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya kitab ini perbahasannya amat menarik dan sesuai untuk dijadikan bahan tatapan bersama dalam rujukan terhadap perkara yang dibincangkan. Tambahan lagi, hadith-hadith yang dinyatakan sesuai untuk dikaji dan dilihat semula untuk manfaat bersama.

Melalui penelitian pengkaji terhadap bentuk penulisan hadith dalam karya ini, pengkaji mendapati bahawa keseluruhan 36 hadith dalam karya ini, terdapat hanya 4 hadith yang ditulis dengan disertakan matan (teks) Arab bersama dengan terjemahannya. Manakala baki 32 hadith adalah ditulis terjemahannya semata-mata tanpa teks ‘Arabnya. Lihat jadual di bawah:

Jadual 3.0: Bentuk Matan (Teks) Hadith dalam *Pembantu Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati*

<b>Bil.</b>	<b>Bentuk Penulisan Hadith</b>	<b>Kuantiti</b>
1.	Hadith beserta matan dan terjemahan	4
2.	Hadith terjemahan	32
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm 14.

#### 4.1.4 *Kitab Penawar Bagi Hati.*

##### i. **Maklumat Kitab**

Karya al-Mandīlī yang berjudul “*Penawar Bagi Hati*” ini adalah sebuah karya khusus dalam bidang ilmu tasawuf. Menurut al-Mandīlī karya beliau ini telah selesai ditulis pada 7 Rejab 1378H/1958M.<sup>20</sup> Berdasarkan cetakan keempat oleh Sahabat Press pada tahun 1383H/1964M, kitab ini setebal 102 halaman. Kandungannya terdiri daripada tiga kitab (tajuk utama), dengan enam fasal pada kitab yang pertama, sepuluh bab (subtajuk) pada kitab yang kedua, dan sepuluh bab dalam kitab yang ketiga.<sup>21</sup>

Dalam menjalankan kajian ini, penulis merujuk kepada karya ini yang diterbitkan oleh Sahabat Press yang beralamat 56, Jalan Panga, Yala, Thailand. Berdasarkan catatan pada muka hadapan dan halaman awal kitab ini, disebutkan bahawa terbitan untuk cetakan keempat adalah sebanyak 4000 naskhah iaitu pada bulan Ramadhan 1383H bersamaan Februari 1964M di bawah kelolaan al-Ḥāj Asy‘arī bin al-Ḥāj Mustafa Bangkuni.<sup>22</sup>

Karya ini adalah satu-satunya daripada empat kitab yang dipilih oleh penulis untuk dikaji yang bukan daripada sebuah karya yang diterjemahkan daripada mana-mana kitab. Berdasarkan ketiga-tiga kitab sebelum ini, keseluruhannya al-Mandīlī menyebutkan bahawa ia adalah terjemahan daripada beberapa karya berbahasa Arab. Oleh sebab itu, kitab *Penawar Bagi Hati* ini merupakan karya asli al-Mandīlī yang khusus tertumpu pada

<sup>20</sup> Al-Mandīlī (1383H/1964M) *Penawar Bagi Hati*, Yala, Thailand: Sahabat Press, cet.4, hlm 100. dan lihat juga Ramli Awang (2001), *op.cit.*, hlm 47.

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm 101-102.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm i.

membicarakan ilmu tasawuf. Tambahan lagi, al-Mandīlī secara jelas tidak menyatakan sebarang kenyataan yang menunjukkan bahawa karya ini di ambil atau diterjemahkan daripada mana-mana kitab. Namun, beliau menyatakan bahawa tujuan karya ini dihasilkan adalah sebagai peringatan untuk diri sendiri dan untuk panduan para pelajar khususnya dikalangan pelajar baru yang baru cuba untuk mendalami ilmu tasawuf.<sup>23</sup>

## ii. Kandungan Perbahasan Kitab

Kandungan karya ini seperti mana disebutkan oleh penulis sebelum ini, terdiri daripada satu pendahuluan dan tiga kitab (tajuk utama). Kenyataan ini secara jelas disebutkan oleh al-Mandīlī dalam mukadimah kitab beliau tersebut.<sup>24</sup> Kitab pertama terdiri daripada tujuh fasal, kitab kedua terdiri daripada sepuluh bab dan kitab ketiga terdiri daripada sepuluh bab juga.

Dalam pendahuluan awal kitab, al-Mandīlī mendahului perbahasan khusus tentang beberapa perkara yang berkait dengan ilmu tasawuf. Beliau menjelaskan hakikat ilmu tasawuf dengan menyebutkan bahawa;

*“Ketahui olehmu bahawasanya ilmu tasawuf itu pengetahuan yang diketahui dengan dia akan segala kelakuan hati, sama ada kelakuan yang dipuji seperti merendah diri dan sabar atau kelakuan yang dicela seperti dengki dan membesarkan diri”*.<sup>25</sup>

Seterusnya beberapa perkara lain yang berkaitan dijelaskan dahulu oleh al-Mandīlī dalam pendahuluan ini seperti faedah ilmu tasawuf, hantarannya (tempatny), hukum belajar ilmu tasawuf dan tempat ambilan ilmu ini. Oleh sebab itu, beliau membuat kesimpulan bahawa

---

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm 2

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm 4.



maksud daripada ilmu tasawuf itu adalah;

*“membersihkan segala anggota yang zahir daripada segala perbuatan yang keji supaya ada ia menyampaikan kepada membersihkan hati daripada segala sifat kecelaan dan dikehendaki dengan segala anggota yang zahir itu tujuh anggota (mata, telinga, lidah, perut, faraj (kemaluan), dua tangan dan dua kaki)<sup>26</sup>”*

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya pada kitab yang pertama dalam kitab ini memberi tumpuan khusus tentang persoalan penjagaan tujuh anggota yang disebutkan sebelum ini. Setiap anggota tersebut dihuraikan satu persatu dengan membawa dalil daripada al-Quran dan al-Hadith. Contohnya disebutkan bahawa mata digunakan untuk melihat ciptaan langit, matahari dan bulan supaya diyakini kewujudan Allah, mata digunakan untuk melihat al-Quran, melihat jalan ke masjid dan tempat menuntut ilmu, melihat untuk melepaskan daripada perkara yang menyakiti seperti terjatuh, berlaga dan sebagainya.<sup>27</sup> Tetapi mata buka untuk melihat perkara-perkara yang diharamkan seperti melihat perempuan yang bukan muhrim dan aurat lelaki dan sebagainya daripada perkara-perkara maksiat.

Manakala dalam kitab yang kedua pula dengan sepuluh bab disebutkan khusus membicarakan berkaitan *qalb* (jantung) manusia dan penyakit-penyakit hati dan nafsu seperti banyak makan (kekenyangan), banyak berkata-kata, marah, dengki, kikir, kasih kepada harta, cintakan kemegahan, kasih kepada dunia, besar dan bangga diri, ‘ujub dan riya’ yang merupakan sifat-sifat yang tercela. Dalam kitab ketiga pula, juga sepuluh bab dinyatakan yang membicarakan tentang sepuluh sifat-sifat yang terpuji iaitu taubat, takut, zuhud, sabar, syukur, ikhlas, tawakkal, kasih kepada Allah, redha dengan qada’ Allah dan

---

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> *Ibid.*, hlm 5.

selalu mengingati mati.

Keseluruhannya kandungan kitab membawa satu kaedah untuk seseorang itu menyucikan dirinya daripada sifat-sifat tercela, lalu dibina sifat-sifat terpuji dalam diri manusia iaitu ke arah pembinaan rohani yang sejahtera dan selamat dunia akhirat. Tambahan lagi, sifat-sifat tercela itu boleh merosakkan jiwa manusia yang bukan sahaja merosakkan diri seseorang itu, bahkan membawa kepada perpecahan dalam masyarakat.

### **iii. Kuantiti Hadith Dicatatkan Di Dalam Kitab**

Melalui penelitian penulis terhadap keseluruhan kandungan kitab ini, terdapat 111 buah hadith yang dicatatkan. Keseluruhan hadith-hadith tersebut didapati daripada pelbagai kategori hadith sama ada sahih, hasan dan sebagainya. Hadith-hadith yang dinyatakan tersebut menjadi dalil dan hujah kepada perkara-perkara yang dibicarakan di samping al-Quran yang menjadi dalil utama. Dengan itu, segala perbincangan yang dibawa mempunyai asas dan kekuatan hujah serta bukan daripada pandangan dan pendapat pengarang semata-mata.

Merujuk kepada hadith-hadith tersebut juga, di dapati al-MandĪlĪ sekadar menyatakan matan (teks) hadith berbahasa Arab dengan terjemahan berbahasa Melayu sahaja. Tidak ada sebarang maklumat takhrij hadith dinyatakan sama adalah sumber, nama perawi sahabat dan sebagainya lagi. Apabila menyebutkan sesebuah hadith, al-MandĪlĪ mendahului dengan kata-kata “*bersabda Rasulullah s.a.w*”, lalu diikuti matan (teks) berbahasa Arab dan terjemahan.

Oleh yang demikian, berdasarkan keterangan ringkas terhadap keempat-empat buah karya yang menjadi pilihan penulis untuk dikaji, menunjukkan secara jelas bahawa walaupun keempat-empat buah kitab tersebut bukan merupakan sebuah karya hadith atau dalam bidang hadith, tetapi dimuatkan sejumlah hadith yang besar dan keseluruhan daripada hadith-hadith tersebut berperanan sebagai dalil dan hujah terhadap kenyataan dan perbahasan yang dibicarakan. Dengan itu, segala perbincangan di dalam karya-karya tersebut bukan daripada coretan atau andaian pengarangnya semata-mata tetapi dipandukan oleh al-Quran dan al-Hadith.

Dalam melihat kepada bentuk penulisan hadith dalam kitab ini, pengkaji mendapati bahawa daripada 110 hadith, terdapat 104 adalah hadith yang dinyatakan matan (teks) ‘Arab dengan terjemahannya sekali. Di samping itu, hanya 6 hadith sahaja yang dinyatakan terjemahannya semata-mata tanpa teks ‘Arabnya. Lihat dalam jadual di bawah:

Jadual 4.0: Bentuk Matan (Teks) Hadith dalam Karya *Penawar Bagi Hati*

<b>Bil.</b>	<b>Bentuk Penulisan Hadith</b>	<b>Kuantiti</b>
1.	Hadith beserta matan dan terjemahan	104
2.	Hadith terjemahan	6
<b>Jumlah</b>		<b>110</b>

## 4.2 Analisis Keseluruhan Kuantiti Hadith Dalam Semua Kitab

Pengkaji dapat meringkaskan keseluruhan jumlah hadith dan bentuk penulisannya dalam jadual di bawah.

Jadual 5.0: Kuantiti Hadith dan Bentuk Penulisannya Dalam 4 Buah Karya al-Mandilī

<b>Bil.</b>	<b>Bentuk Penulisan Hadith</b>	<b>Hadith Beserta Matan Dan Terjemahan</b>	<b>Hadith Terjemahan</b>
1.	<i>I'tiqad Orang Yang Percaya akan Quran dengan Turunnya 'Isa 'Alaih al-Salam Pada Akhir Zaman</i>	33	-
2.	<i>Menakutkan dan Meliarkan Daripada Memasukkan Orang-orang Islam Akan Anak Mereka Itu Ke Dalam Sekolah Orang Kafir</i>	11	-
3.	<i>Pembantu Bagi Sekalian Orang Islam Dengan Harus Membaca Quran dan Sampai Pahalanya Kepada Sekalian Yang Mati</i>	32	4
4.	<i>Penawar Bagi Hati</i>	104	6
<b>Jumlah Keseluruhan Hadith</b>		<b>180</b>	<b>10</b>

Merujuk kepada jadual tersebut, terdapat 180 hadith yang ditulis matan (teks) 'Arabnya berserta dengan terjemahannya sekali. Cuma terdapat 10 hadith yang hanya dalam bentuk terjemahannya sahaja yang ditulis menggunakan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu. Oleh itu, keseluruhan hadith daripada keempat-empat karya al-Mandili adalah berjumlah 190 hadith. Keseluruhan hadith-hadith tersebut akan dinilai dan dilakukan proses takhrij untuk mencari sumber dan hukumnya pada bab yang akan datang.

#### 4.3 PENDEKATAN DALAM MENTAKHRIJ HADITH-HADITH DALAM KARYA-KARYA AL-MANDĪLĪ.

Memandangkan usaha pengkaji adalah untuk mentakhrij hadith-hadith yang dicatatkan dari karya-karya al-MandĪlĪ yang dipilih tersebut, beberapa pendekatan telah digunakan oleh pengkaji bagi melancarkan dan memudahkan usaha tersebut dilakukan. Perkara utama yang perlu dilakukan adalah dengan mengenal pasti bentuk hadith-hadith yang dicatatkan daripada empat buah karya itu sama dicatatkan matan berbahasa 'Arab atau sekadar terjemahan sahaja atau hanya kefahaman pengarang terhadap sesebuah hadith, lalu dicatatkan di dalam karya tersebut berdasarkan apa yang difahami dan disandarkan kepada Nabi s.a.w sebagai hadith.

Ilmu takhrij hadith adalah daripada cabang ilmu-ilmu hadith (*'Ulūm al-Ḥadīth*) yang sangat penting dan berbentuk praktikal dalam pelaksanaannya. Ia mempunyai kaitan rapat dengan kajian terhadap sanad dan matan hadith. Melalui ilmu takhrij ini, ia sangat penting dalam usaha memelihara kualiti dan menilai autoriti hadith Rasulullah s.a.w.

Menurut Dr. Abu al-Layth al-Khayr Abadī dalam karya beliau, "*Takhrij al-Ḥadīth Nasy'atih wa Manhajiyatih*", terdapat enam metode yang telah diletakkan oleh para *muhaddithīn* dalam usaha untuk mentakhrij hadith-hadith Rasulullah s.a.w.<sup>28</sup>. Enam metode tersebut adalah termasuk satu metode atau kaedah terkini yang berkembang melalui

---

<sup>28</sup> Lihat Radzi Othman (1997), *op.cit*, hlm 165-170, Hassan Muarif Ambary *et al* (1996), *Suplemen Ensiklopedi Islam (2)*, *op.cit*, hlm 213-216, Abdul Hayei 'Abdul Sukor (1997), *ibid*, hlm 174-194, Mahmud al-Ṭahhān (1996), *op.cit*, hlm 40-140, Muḥammad Abu Layth al-Khayr Ābadī (1420H/ 1999M), *op.cit*, hlm 41-42.

perkembangan teknologi kini iaitu mentakhrij hadith melalui perisian hadith dan CD-Rom hadith seperti *al-Maktabah al-Shamilah*. Baki lima metode yang lain adalah [1] Mentakhrij Hadith Melalui Nama Perawi Sahabat, [2] Mentakhrij Hadith Melalui Perkataan Awal Pada Matan, [3] Mentakhrij Hadith Melalui Kalimah yang Jarang Ditemui di dalam Matan (*Kalimah Gharibah*), [4] Mentakhrij Hadith Mengikut Tajuk Hadith, dan [5] Mentakhrij Hadith Dengan Melihat Keadaan Matan dan Sanad Hadith.

#### **4.3.1 Bentuk Hadith Dalam Karya-Karya Tersebut**

Berdasarkan kepada penelitian pengkaji terhadap keempat-empat buah karya yang menjadi bahan kajian tersebut, keseluruhannya mencatatkan dan menyebut hadith-hadith di dalam kandungannya. Hadith-hadith yang dinyatakan adalah menjadi dalil kepada setiap hujah atau kenyataan yang disebutkan oleh pengarang. Namun, pada setiap buah karya, kuantiti hadith di dalamnya adalah berbeza dan mengikut topik perbahasan yang dibawa.

Walaupun demikian, keseluruhannya seperti kebiasaan pada karya-karya Jawi di Nusantara, hadith-hadith dalam karya-karya tersebut dapat dikategorikan kepada dua bentuk utama iaitu hadith yang didatangkan matan (teks) berbahasa 'Arab dengan terjemahan berbahasa Melayu dan bertulisan Jawi dan, Kedua; Hadith dalam bentuk terjemahan sahaja tanpa sebarang matan berbahasa 'Arab. Bentuk yang kedua adalah paling sukar untuk ditakhrijkan dan memerlukan masa, usaha dan kesungguhan yang jitu untuk melaksanakannya.

### 4.3.2 Pendekatan Takhrij Hadith Dalam Karya-Karya Tersebut

Apabila dapat dikenal pasti bentuk-bentuk hadith dalam karya-karya tersebut, maka beberapa pendekatan boleh dilakukan untuk mencari dan mentakhrij hadith khususnya melalui enam metode takhrij yang telah disebutkan sebelum ini. Namun begitu, adalah wajar untuk memilih metode-metode tertentu sahaja agar dapat mencari jalan yang cepat dan berkesan dalam mendapatkan sesebuah hadith. Pengkaji juga hanya menggunakan beberapa metode sahaja mengikut kesesuaian pada bentuk hadith dalam karya-karya tersebut.

#### 4.3.2.1 Hadith Dalam Bentuk Matan (Teks) Berbahasa Arab

Bagi hadith yang dinyatakan dan dicatatkan dalam bentuk matan (teks) berbahasa Arab, terdapat beberapa pendekatan yang telah digunakan oleh pengkaji untuk mentakhrij matan-matan hadith tersebut, iaitu;

##### i. Mentakhrij Hadith Melalui Perkataan Awal Pada Matan

Kaedah atau metode ini adalah di mana pengkaji perlu mengetahui kalimah awal atau permulaan dalam sesebuah hadith lalu kemudian merujuk kepada beberapa kitab yang boleh dirujuk iaitu seperti *Kitab al-Aṭrāf* dan *Kitab-Kitab Mu'jam Hadith*. Kaedah ini adalah kurang berkesan jika matan hadith tersebut dimulakan atau bermula dengan perkataan yang umum seperti *inna* (إن), *innama* (إنما), dan *kana* (كان). Ini kerana terdapat

jumlah hadith yang banyak yang bermula demikian serta ia bersifat terlalu umum. Namun, sedikit sebanyak ia juga turut membantu pengkaji mentakhrij hadith.

## ii. Mentakhrij Hadith Mengikut Tajuk Hadith

Melalui metode ini pengkaji terlebih dahulu perlu untuk memahami hadith tersebut sebelum dapat dikenal pasti tajuk atau topik hadith tersebut. Namun, dalam keadaan tertentu, ia dapat dikenal pasti melalui perkara yang sedang dibincangkan dalam karya-karya tersebut. Perkara ini dapat dipraktikkan kerana kebanyakan kitab-kitab hadith seperti *Kutub al-Sittah* disusun melalui tajuk-tajuk dalam perbahasan *fiqh* seperti solat, puasa, zakat, haji, wasiat, ilmu, iman dan lain-lain lagi.

Sebagai contohnya, hadith { مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكَلِّمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ }, iaitu hadith yang menjelaskan tentang seseorang yang beriman apabila bercakap ia bercakap dengan baik atau berlaku diam sahaja. Daripada pemahaman hadith, dapat dikenal pasti bahawa ia menyentuh tentang akhlak atau adab seseorang. Dengan itu, hadith tersebut dapat dirujuk kepada senarai hadith dibawah tajuk adab atau akhlak seseorang Muslim.

## iii. Mentakhrij Hadith Melalui Perisian Hadith dan CD-Rom Hadith

Metode ini adalah paling cepat dan mudah berbanding dengan metode takhrij hadith yang lain. Melalui metode ini, tidak memerlukan seseorang untuk menyelak dan menyemak helaian demi helaian untuk mencari hadith. Apa yang pasti, hanya menaip dan mencari melalui ruangan carian yang disediakan sahaja, lalu akan dipaparkan senarai hadith dengan



matan (teks) yang dikehendaki berdasarkan kepada perkataan yang dijadikan kata kunci untuk carian tersebut.

Sebagai contohnya, adalah melalui penggunaan perisian hadith *al-Maktabah al-Shamilah* untuk mencari sesebuah hadith. Terdapat ruangan khusus yang telah disediakan untuk mencari hadith sama ada melalui perkataan yang dijadikan kata kunci, atau carian menggunakan nombor hadith atau carian melalui tajuk-tajuk hadith.

Kaedah dan cara yang sama digunakan bagi beberapa perisian hadith yang lain sama ada terus daripada laman web atau melalui penggunaan CD-Rom hadith. Antara laman web yang pernah digunakan oleh pengkaji adalah seperti [www.muhammadith.org](http://www.muhammadith.org), [www.dorar.net](http://www.dorar.net) dan [www.al-islam.com/hadith](http://www.al-islam.com/hadith).

Selepas carian dilakukan, tidak semestinya hadith yang dikehendaki akan terpapar pada ruangan yang dicari. Dalam keadaan tertentu terdapat beberapa hadith yang hampir sama dipaparkan. Oleh itu, semakan secara terperinci perlu dilakukan agar mendapat hadith yang dicari. Namun, apa yang menarik, melalui perisian hadith seperti *al-Maktabah al-Shamilah*, beberapa maklumat hadith akan terus diperolehi daripada perisian tersebut seperti matan hadith yang lengkap, nombor hadith, nama kitab dan bab hadith serta maklumat yang lain seperti bilangan jilid dan halaman kitab hadith tersebut. Walaupun begitu, adalah wajar selepas mencari melalui perisian hadith, hadith yang diperolehi tersebut dirujuk semula kepada kitab-kitab asal yang bercetak untuk mengelakkan daripada berlaku kesilapan dan kesalahan yang tidak dijangkakan.

#### **4.3.2.2 Hadith Dalam Bentuk Terjemahan Berbahasa Melayu Tulisan Jawi**

##### **Sahaja**

Bagi hadith dalam bentuk terjemahan sahaja memerlukan usaha yang lebih untuk mentakhrij hadith-hadith tersebut. Adalah sukar dilakukan usaha mengenal pasti sesuatu sumber hadith jika hadith tersebut berbahasa Melayu kecuali dialih bahasa semula ke dalam bahasa 'Arab memandangkan sumber-sumber hadith utama adalah daripada kitab-kitab himpunan hadith dalam teks Arab.

Oleh itu, pendekatan awal yang perlu dilakukan adalah dengan usaha mengalih bahasakan terjemahan hadith itu kepada bahasa 'Arab semula. Adalah sukar untuk mendapatkan matan yang tepat melalui alih bahasa tersebut memandangkan percakapan dan ungkapan Nabi s.a.w adalah sangat tinggi nilai bahasanya. Walaupun begitu, kemungkinan dapat dialihkan beberapa perkataan yang utama supaya dapat difahami hadith atau dapat menyatakan teks berbahasa 'Arab bagi hadith tersebut. Perkataan yang telah dialih bahasa dapat dijadikan kata kunci untuk mencari hadith itu. Seterusnya hadith ditakhrij dengan menggunakan pendekatan yang sama.